

SOALAN NO: 194

**PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : Bertulis

**DARIPADA : Puan Kasthuriraani a/p Patto
[Batu Kawan]**

**SOALAN : Puan Kasthuriraani a/p Patto
minta MENTERI PERTANIAN
DAN INDUSTRI ASAS TANI
menyatakan:-**

- (a) secara terperinci jumlah keseluruhan nelayan pantai mengikut pecahan negeri serta kaum dalam tempoh 5 tahun ini yang mendapat latihan asas perniagaan; dan
- (b) nisbah mereka yang telah memulakan perniagaan setelah mendapat bantuan dan latihan tersebut berbanding yang tidak dan apakah usaha untuk membantu mereka yang belum memulakan perniagaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

- (a) Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, jumlah keseluruhan nelayan pantai yang telah mendapat latihan asas perniagaan dalam tempoh 5 tahun adalah seramai 2,450 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 2,431 orang adalah kaum melayu, 18 orang kaum cina dan seorang kaum india. Perincian nelayan pantai yang telah mendapat asas perniagaan mengikut negeri adalah seperti berikut:

Bil	Tahun	Negeri	Jumlah
1	2010	Terengganu	86
2	2011	Terengganu	914
3	2012	Kelantan	200
		Terengganu	100
		Selangor	300
4	2013	Pahang	150
		Pulau pinang	50
		Kelantan	200
5	2014	Kelantan	300
		Terengganu	50
		Pahang	100
JUMLAH			2,450

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan Malaysia dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia juga telah mengadakan 51 kursus dalam tempoh 5 tahun meliputi pelbagai bidang seperti pengurusan kewangan, pengendalian makanan, asas pemprosesan dan produk, kualiti dan pensijilan premis serta penyediaan rancangan perniagaan.

- (b) Seramai 1,515 orang iaitu 61.8% telah memulakan perniagaan berbanding 935 orang yang masih belum memulakan perniagaan. Ini menjadikan nisbah bagi yang telah memulakan perniagaan dengan yang tidak memulakan perniagaan adalah **5:3**. Pemantauan dan perbincangan secara berkala bersama nelayan juga dibuat bagi membantu nelayan yang masih belum memulakan perniagaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT PUAN KASTHURIRAANI
A/P PATTO [BATU KAWAN]**

SOALAN : 195

YB Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan kakitangan Kerajaan dari agensi-agensi Kerajaan serta semua Kementerian termasuk Jabatan Perdana Menteri yang telah didakwa di atas kesalahan jenayah, rasuah dan pecah amanah semenjak 2008 mengikut pecahan etnik dan pecahan negeri.

SOALAN (196)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : Y.B. PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
[BATU KAWAN]**

SOALAN :-

**Y.B. PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO [BATU KAWAN] minta
MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN menyatakan :-**

- (a) senarai projek-projek pembangunan perumahan di Pulau Pinang yang telah mengemukakan permohonan sejak Januari 2008 sehingga Mac 2016, yang mendapat kelulusan dan yang belum mendapat kelulusan; dan
- (b) berapakah unit rumah PR1MA yang akan dibina di Pulau Pinang, di mana rumah-rumah tersebut akan dibina serta tarikh pembinaan tersebut.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah meluluskan sebanyak 402 permohonan Lesen Pemajuan Perumahan dan Permit Iklan & Jualan (*Advertising Permit & Developer License - APDL*) baharu dari Januari 2008 sehingga 29 Februari 2016 bagi Negeri Pulau Pinang.

Dari bulan Ogos 2014 sehingga bulan Februari 2016 masih terdapat 49 permohonan yang dalam proses tindakan Jabatan Perumahan Negara (JPN). Daripada jumlah ini 31 permohonan lengkap dalam proses kelulusan JPN, manakala baki sebanyak 18 permohonan yang tidak lengkap masih dalam tindakan pemaju.

Kementerian hanya akan mengeluarkan lesen dan permit jualan kepada pemaju yang telah mengemukakan dokumen lengkap dan memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan. Ini bertujuan untuk

memastikan kepentingan rakyat yang membeli rumah-rumah yang dimajukan berkenaan terjamin.

- (b) Bagi projek Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA), Jabatan Perdana Menteri (JPM) di Pulau Pinang sehingga 31 Disember 2015, PR1MA, JPM telah bercadang bagi pembangunan perumahan PR1MA sebanyak 9 projek meliputi 26,291 unit rumah di negeri Pulau Pinang.

Tarikh pembinaan akan dimaklumkan oleh PR1MA, JPM dari semasa ke semasa melalui laman sesawang PR1MA bagi tujuan permohonan pembeli.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

April 2016